

Usaha kukuhkan kembali nilai ringgit

Tarik pelaburan luar

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **LANGKAWI 25 MEI**

KERAJAAN akan berusaha untuk terus menarik pelaburan luar agar dapat memperkukuhkan kembali nilai ringgit yang kini menghampiri kerugian bagi tempoh empat minggu berturut-turut.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah jangka pendek itu bagi memulihkan keadaan ekonomi negara yang secara tidak langsung akan dapat menjadikan ringgit kembali sihat.

Menurutnya, perang perdagangan yang memberi kesan kepada ringgit akan dapat diatasi sekiranya negara mengurangkan kebergantungan terhadap sektor pengimportan.

"Ya, perang perdagangan adalah satu perkara yang memberi kesan dan menyebabkan ringgit menjadi lemah, tetapi kalau kita dapat bebas daripada import yang banyak ringgit kita tidak akan lemah.

"Umpamanya kalau kita mengeluarkan sayur-sayuran,



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan replika kad kepada **Muhamad Arof Darus (kanan)** dalam majlis penyampaian Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) di Kompleks ARM, Jalan Air Hangat, Langkawi, Kedah, semalam.

buah-buahan, ikan dan ternakan sendiri kita tidak bergantung kepada bekalan dari negara lain dan dapat mengukuhkan ekonomi negara kita yang seterusnya menjadikan ringgit lebih sihat," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohdr. Ali; Ketua Eksekutif Pihak Berkua-

sa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Seri Jebasingam Issace John; Pegawai Daerah, Muhamad Arof Darus dan Pegawai Kemajuan negeri, Dr. Megat Sany Megat Ahmad Supian.

Dr. Mahathir mengulas keadaan ringgit yang ditutup petang semalam pada paras RM4.1900 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan dilaporkan berada di bawah tekanan sejak akhir Mac lalu.